

Kewangan Sosial Islam

Islamic Social Finance

PROSIDING

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN EKONOMI
DAN KEWANGAN ISLAM KE-3 2016**

**THE 3RD CONFERENCE ON MALAYSIAN
ISLAMIC ECONOMICS AND FINANCE
(CMIEF) 2016**

Penyunting:

Sharifah Shazwani Syed Mohamed

Muhammad Hakimi Mohd Shafiai

Amiratul Nadiah Hasan

Suhaili Alma'amun

Anjuran bersama:



Kewangan Sosial Islam

• ISLAMIC SOCIAL FINANCE •

**PROSIDING PERSIDANGAN EKONOMI DAN
KEWANGAN ISLAM MALAYSIA KE-3 2016**

PROCEEDINGS OF THE 3RD CONFERENCE ON MALAYSIAN ISLAMIC
ECONOMICS AND FINANCE (CMIEF) 2016

Disunting oleh:

**Sharifah Shazwani Syed Mohamed
Muhammad Hakimi Mohd Shafiai
Amiratul Nadiah Hasan
Suhaili Alma'amun**

**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2016**

**PROSIDING PERSIDANGAN KEBANGSAAN EKONOMI DAN KEWANGAN ISLAM
(CMIEF) 2016**

Cetakan Pertama, 2016

Hak cipta Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Kewangan Islam (EKONIS-UKM)
Universiti Kebangsaan Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit terlebih dahulu.

Diterbitkan dan dicetak oleh
Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Kewangan Islam (EKONIS-UKM),
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
<http://www.ekonis-ukm.my/>

Tarikh dan Tempat Persidangan:
24 Ogos 2016 / 21 Zulkaedah 1437
International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia,
Jalan Elmu Off Jalan Universiti, 59100 Kuala Lumpur

Anjuran Bersama:
Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Kewangan Islam (EKONIS-UKM),
Universiti Kebangsaan Malaysia, Institut Islam Hadhari UKM,
International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia,
Pusat Penyelidikan Antarabangsa Ekonomi Dan Kewangan Islam (IRCIEF), KUIS,
Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM),
Persatuan Alumni Sahabat Ekonomi Islam, UKM

ISBN 978-983-3198-94-8

ISBN 978-983-3198-94-8



ISI KANDUNGAN

| | |
|----------------|-----|
| Isi Kandungan | iii |
| Kata Pengantar | vi |

WAQF & CROWDFUNDING

| | |
|--|------------|
| Aplikasi Konsep <i>Istibdal</i> ke Arah Penjanaan Dana Wakaf Oleh Perbadanan Wakaf Selangor | 1 |
| <i>Oleh Afiffudin Mohammed Noor & Che Zuina Ismail</i> | |
| Peranan Waqaf Dalam Meningkatkan Pendapatan Nelayan Tradisional di Kuala Langat | 8 |
| <i>Oleh Aidil Afandi Mohamad Alias, Muhammad Hakimi Mohd Shafiai & Mohd Adib Ismail</i> | |
| Potensi Waqf Dalam Pengurusan Bekalan Sumber Air Terawat di Kalangan Negara Islam Terpilih | 18 |
| <i>Oleh Mohammad Nasrul Hakim Roslan & Muhammad Hakimi Mohd Shafiai</i> | |
| Wakaf Penerbangan Sebagai Bentuk Baru “Perniagaan Sosial Islam”: Kajian di Air Riths Airline. | 31 |
| <i>Oleh Mohd Salleh Abd Kadir & Muhammad Hakimi Mohd Shafiai</i> | |
| Implikasi Pendedahan Pelaporan Wakaf Dalam Penyata Kewangan: Kajian Terhadap Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) | 43 |
| <i>Oleh Nur Fahana Zahari, Nur Adila Ayub & Hairunnizam Wahid</i> | |
| Isu-isu dan Penglibatan Organisasi Bukan Kerajaan di Dalam Crowdfunding | 53 |
| <i>Oleh Anisa Syazwani Aris</i> | |
| Equity Crowdfunding Patuh-Syariah di Malaysia | 62 |
| <i>Oleh Hud Sabri, Shahida Shahimi & Suhaili Alma’amun</i> | |
| Dana Untuk Pendidikan di Universiti Melalui Crowdfunding: Satu Kajian Awal | 78 |
| <i>Oleh Nur Saadah Rozali, Suhaili Alma’amun & Shifa’ Mohd Nor</i> | |
| Potensi Sukuk dalam Membangunkan Tanah Wakaf di Malaysia: Satu Tinjauan | 89 |
| <i>Oleh: Latifah Nuroniah Selamat & Muhammad Hakimi Mohd Shafiai</i> | |
| Proposal Penubuhan Platform Crowdfunding Berasaskan Wakaf Dari Segi Perundangan Malaysia | 104 |
| <i>Oleh Nur Sakinah Nabilah Nor Saeran, Suhaili Alma’amun & Asma Hakimah Ab. Halim</i> | |
| The Role of Muslim Millionaires in Enhancing Waqf-Based Crowdfunding: A Proposed Framework | 129 |
| <i>Oleh Wan Shamilah Wan Mohammed, Muhammad Hakimi Mohd Shafiai, Mohd Fairuz, Md Salleh</i> | |

ZAKAT & PERCUKAIAN

| | |
|---|------------|
| Analisis Prestasi Kecekapan Pengurusan Kewangan dan Pengurusan Agihan Zakat: Kajian Terhadap Majlis Agama Islam Negeri Johor | 142 |
| <i>Oleh Ahmad Fathi Aminuddin, Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Nor</i> | |
| Pengagihan Zakat Perubatan di Malaysia: Peranan Bank Rakyat | 158 |
| <i>Oleh Mohd Yusof Bin Ismail Hairunnizam Wahid Zulkefly Abdul Karim</i> | |
| Localization Model for Education Zakat Distribution Among University Students: A Theoretical Proposal to Islamic Religious Councils in Malaysia (IRC) With Cooperation of Selangor Zakat Board (LZS) | 167 |
| <i>Oleh Noor Afiqah Che Soh Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Nor</i> | |
| Lokalisasi Agihan Zakat Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Kajian Atas Status Anak Negeri | 181 |
| <i>Oleh Nurul Aqilah Jalaludin, Noor Afiqah Che Soh & Hairunnizam Wahid</i> | |
| Lokalisasi dan Sosialisasi Antara Amil Dan Asnaf: Kajian di Malaysia | 191 |
| <i>Oleh Ramizah Begam Abd Aziz, Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Nor</i> | |
| Prestasi Kecekapan Pengurusan Kewangan dan Pengurusan Agihan Zakat: Kajian di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan | 200 |
| <i>Oleh Samsiah Jumati, Hairunnizam Wahid & Mohd Ali Mohd Nor</i> | |
| Analisis Perubahan Pola Agihan Zakat: Kajian Kes Negeri Kelantan | 213 |
| <i>Oleh Wan Nurhanini Wan Hassim & Hairunnizam Wahid</i> | |
| Layanan Cukai Terhadap Amalan Kewangan Sosial Islam di Malaysia | 226 |
| <i>Oleh Nur Liyana Omar, Muhammad Hakimi Mohd Shafiai & Suhaili Alma'mun</i> | |

TAKAFUL

| | |
|--|------------|
| Review On Trust in Takaful Agent-Client Relationship | 236 |
| <i>Oleh Aimi Fadzirul Kamarubahrin & Syadiyah Abdul Shukor</i> | |
| Melindungi Golongan Berpendapatan Rendah Melalui Takaful Mikro: Prospek & Cabaran | 245 |
| <i>Oleh Mardziah Idris & Hendon Redzuan</i> | |
| Penganggaran Tahap Kesolvenan Pengendali Takaful Dengan Skor-Z Altman | 264 |
| <i>Oleh Noor Huzaidah Husin, Rubayah Yakob & Hairunnizam Wahid</i> | |
| Kajian Empirikal Terhadap Penentu Kepada Polisi Luput Pelan Takaful Keluarga | 280 |
| <i>Oleh Norasykeen binti Mohd Baharom & Rubayah Yakob</i> | |
| Penerimaan Penjawat Awam Terhadap Skim Perlindungan Takaful Keluarga di Putrajaya | 291 |
| <i>Oleh Ratna Edayu Bt Jumiran & Hendon Redzuan</i> | |

KONTRAK DAN PEMBIAYAAN ISLAM

| | |
|---|------------|
| Potensi Pembiayaan Kewangan Islam Dalam Peningkatan Produktiviti Perladangan Kelapa Sawit di Kalangan Pekebun Kecil | 313 |
| <i>Oleh Muhammad Zaid Fahmi Bin Mahadzir</i> | |
| Kontrak Al-Murabahah Purchase Order (MPO): Implementasi Dalam Produk Pembiayaan Kenderaan Daripada Sudut Memenuhi Keperluan Pengguna | 322 |
| <i>Oleh Nazhatul Shima Abdul Rahman & Hairunnizam Wahid</i> | |
| Pengurusan Dana Masjid Di Malaysia: Satu Kajian Mengenai Penggunaan Akaun Amanah | 334 |
| <i>Oleh Norakma Sabran, Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad</i> | |
| Pemahaman Penjawat Awam Terhadap Produk Pembiayaan Perumahan Secara Islam Oleh Kerajaan | 343 |
| <i>Oleh Norzulaily Binti Ahmad Kamal, Muhammad Hakimi Mohd Shafiai & Ruzian Markom</i> | |
| Maqasid Al-Shariah in Ar-Rahnu | 357 |
| <i>Oleh Nur Rasyidah Kamaruzaman & Salina Haji Kassim</i> | |

LAIN-LAIN ISU BERKAITAN EKONOMI ISLAM

| | |
|---|------------|
| Impak Kepercayaan Dan Kesetiaan Pendeposit Lembaga Tabung Haji (TH) Terhadap Risiko Kecairan | 367 |
| <i>Oleh Nurul Ain Mohd Pauzi, Aisyah Abdul Rahman & Shifa Mohd Nor</i> | |
| Tingkah Laku Perancangan Persaraan dan Isu Caruman KWSP Pekerja Sektor Swasta di Melaka | 381 |
| <i>Oleh Nurul Fariha Jamaludin, Suhaili Alma'amun & Hairunnizam Wahid</i> | |
| Faktor-faktor Mempengaruhi Pemilihan Produk Halal Farmaseutikal | 394 |
| <i>Oleh Rabiatal Aisyah Muhammad, Mohd Ali Mohd Noor & Hairunnizam Wahid</i> | |
| Perkembangan Industri Makanan Halal Jepun di Malaysia | 405 |
| <i>Oleh Sharifah Shazwani Syed Mohamed, Mohd Ali Mohd Noor & Muhammad Hakimi Mohd Shafiai</i> | |
| Pasar Islam: Sebuah Model Masyarakat Ekonomi Madani Kajian Menerusi Al-Quran, Hadis Dan Pasar Pada Masa Khulafaurasyidin | 414 |
| <i>Suwandi, Muhammadi Hakimi Mohd Shafiai & Wan Nasyrudin Wan Abdullah</i> | |

KATA PENGANTAR

Persidangan Ekonomi dan Kewangan Islam Malaysia (CMIEF) 2016 ini bertemakan KEWANGAN ISLAM SOSIAL. Penganjuran persidangan ini merupakan kesinambungan daripada persidangan CMIEF 2015 di mana penganjurnya adalah Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Kewangan Islam (EKONIS) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan dan Institut Islam Hadhari, UKM. Namun pada tahun 2016, pihak EKONIS telah bekerjasama dengan Institut Islam Hadhari UKM, International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia, Pusat Penyelidikan Antarabangsa Ekonomi Dan Kewangan Islam (IRCIEF) KUIS, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Persatuan Alumni Sahabat Ekonomi Islam, UKM bagi sama-sama menjayakan penganjuran CMIEF 2016

Persidangan ini diadakan adalah lebih tertumpu bagi membincangkan hasil kajian dalam bidang kewangan Islam sosial dan juga bidang-bidang lain yang berkaitan dengan ekonomi dan kewangan Islam. Disamping itu, persidangan ini juga merupakan menjadi wadah perbincangan ilmiah antara penyelidik, pensyarah, pelajar pascasiswazah dan juga pengamal industri di Malaysia. Melalui prosiding persidangan ini, kertas kerja yang mempunyai potensi akan diterbitkan di dalam jurnal berindeks selain dikumpulkan untuk memberi manfaat kepada semua pihak.

PENGURUSAN DANA MASJID DI MALAYSIA: SATU KAJIAN MENGENAI PENGGUNAAN AKAUN AMANAH

Norakma Sabran¹
Hairunnizam Wahid²
Sanep Ahmad³

Fakulti Ekonomi & Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor

ABSTRAK

Kutipan dana daripada pelbagai sumber oleh masjid yang dikategorikan sebagai masjid negeri di Malaysia sebenarnya mencecah hampir jutaan ringgit. Persoalannya adakah dana yang diperolehi dapat diuruskan dengan baik serta efisien untuk pembangunan ummah. Adakah sumber kewangan masjid bergantung kepada sumber berbentuk tradisional seperti kutipan tabung Jumaat dan sebagainya. Perkara ini penting kerana kecekapan dan keefisienan pelaksanaan pelbagai aktiviti masjid adalah bergantung kepada kekuatan sumber ekonominya. Dalam erti kata lain, ketelusan pengurusan dana yang dijana dan diperuntukkan secara langsung atau tidak langsung sebenarnya mencerminkan keupayaan sesebuah masjid di dalam merencana pelbagai aktiviti yang boleh memberi manfaat kepada ummah dan masyarakat. Permasalahan sering berlaku apabila dana ini tidak diurus tadbir dengan cara baik dan berkesan. Justeru itu, kajian ini mengkaji aspek pengurusan dana yang melibatkan akaun amanah bagi masjid di bawah seliaan Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM). Beberapa masjid telah dipilih sebagai sampel kajian termasuklah Masjid Negara Kuala Lumpur, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Masjid Putra, Putrajaya melibatkan data siri masa bermula tahun 2010 hingga 2014. Hasil kajian mendapati kesemua masjid mempunyai sumber kewangan yang besar dalam menggerakkan pelbagai aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan. Dana dan pebelanjaan yang besar ini dapat diuruskan dengan baik dengan adanya pengawalan dalam akaun amanah. Hasil kajian juga mendapati masjid-masjid ini mengutip dana pendapatan dan melakukan perbelanjaan menepati tatacara pengurusan kewangan serta perkara dalam arahan akaun amanah yang telah ditetapkan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan WP 10.4/2013 Tatacara Pengurusan Akaun Amanah Yang Ditubuhkan Di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957. Beberapa implikasi dasar turut dibincangkan dalam kajian ini

Kata Kunci: dana masjid, akaun amanah, jawatankuasa masjid

PENGENALAN

Masjid merupakan tempat yang suci dan eksklusif bagi umat Islam di serata dunia. Di masjid juga terdapat pelbagai ritual “ibadah dilakukan setiap masa seperti solat fardhu berjemaah, solat jumaat, aktiviti ‘iktikaf, *qiamullail* dan sebagainya. Walaubagaimanapun, aktiviti-aktiviti di masjid bukan hanya terhad kepada ritual ‘ibadah semata-mata malah pelbagai aktiviti lain boleh juga dilakukan seperti ceramah dan tazkirah agama, karnival Islam, kem ibadah, kelas agama, jual beli dan sebagainya. Kesemua aktiviti-aktiviti rohani dan sosial yang dilakukan sangat bersesuaian dengan peranan masjid sebagai tempat untuk mengembangkan syiar Islam. Masjid juga menjadi salah satu

¹ Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, FEP, UKM; email: akma160585@gmail.com

² Pensyarah Kanan di FEP, UKM; email: hairun@ukm.edu.my

³ Prof Madya di FEP, UKM; email: hairun@ukm.edu.my

institusi pemangkin kearah penjanaan ekonomi ummah masa kini. Institusi masjid merupakan simbol syiar Islam yang menyatupadukan umat Islam dalam pelbagai bidang. Ia merupakan pusat pembangunan modal insan sama ada daripada aspek kerohanian, akhlak mahupun kehidupan bermasyarakat.

Jadual 1: Jumlah Pendapatan dan Perbelanjaan Masjid terpilih (Tahun 2010-2014)

| Tahun | Masjid Negara | | Masjid Putra | | Masjid MTMZA | |
|-------|-----------------------------|---------------------------|-----------------------------|---------------------------|-----------------------------|--------------------------------|
| | Pendapata n (RM) '000 | Perbelanjaan (RM) '000 | Pendapata n (RM) '000 | Perbelanjaan (RM) '000 | Pendapata n (RM) '000 | Perbelanjaan n (RM) '000 |
| 2010 | 1,655 | 661 | 450 | 182 | 433 | 213 |
| 2011 | 1,886 | 596 | 567 | 150 | 548 | 188 |
| 2012 | 2,343 | 625 | 864 | 488 | 897 | 287 |
| 2013 | 3,018 | 1,253 | 935 | 502 | 1,472 | 540 |
| 2014 | 3,328 | 798 | 1,180 | 541 | 2,024 | 716 |

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran Akaun Amanah Masjid bagi tahun kewangan 2010-2014

Jadual 1 menunjukkan jumlah pendapatan dan perbelanjaan bagi Masjid Negara, Masjid Putra dan MTMZA bagi tahun 2010 sehingga tahun 2014. Masjid negara telah menerima jumlah pendapatan terbesar iaitu sebanyak RM3.3 juta setahun pada tahun 2014 diikuti oleh Masjid MTMZA dan Masjid Putra masing-masing sebanyak RM 2.02 juta dan RM1.18 juta. Manakala daripada aspek perbelanjaan tahunan pengurusan masjid pula, Masjid Negara dihadapan iaitu sebanyak RM798 ribu diikuti Masjid MTMZA dan Masjid Putra masing-masing berbelanja sebanyak RM716 ribu dan RM541 ribu.

Peningkatan bilangan aktiviti atau kegiatan masjid pasti memerlukan pembiayaan yang bertambah. Persoalannya masjid-masjid ini bergantung pada dana akaun amanah iaitu tertakluk di bawah Pekeliling Perbendaharaan WP 10.4/2013 Tatacara Pengurusan Akaun Amanah Yang Ditubuhkan Di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957. Segala pendapatan iaitu sumber dana yang diperoleh adalah di bawah perkara 13 di bawah arahan akaun amanah dan segala perbelanjaan yang ingin dilakukan adalah tertakluk perkara 14 pada arahan akaun amanah tersebut. Oleh kerana itu, pihak pengurusan masjid perlu merancang aktiviti-aktiviti yang ingin dilakukan selaras dengan kehendak arahan akaun amanah dan penerimaan pendapatan masjid juga adalah tertakluk pada arahan akaun amanah yang telah ditetapkan. Jesteru itu, kajian ini mengkaji aspek pengurusan dana yang melibatkan akaun amanah bagi masjid di bawah seliaan Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM). Beberapa masjid sebagai sampel kajian termasuklah Masjid Negara Kuala Lumpur, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Masjid Putra, Putrajaya.

KAJIAN LEPAS

Masjid dari segi bahasa bermaksud tempat sujud (Roslan,2008). Menurut Al-Fairuz Abadi (1987), sujud yang boleh difahami adalah membawa konotasi patuh, menghina diri, merendahkan diri, rasa harap dengan meletakkan dahi ke bumi sebagai tanda pengabdian diri kepada Allah SWT. Perkataan masjid berasal dari perkataan Arab *sajada*, *yasjudu*, *sajdan* atau *sujudan*. Sujud dalam pengertiannya bererti patuh dan menghina diri dengan meletakkan dahi ke bumi sebagai tanda pengabdian diri kepada Allah SWT (Al-Kamus Al-Muhit,1987). Abdullah dan Muhyidin (2003) pula berpendapat masjid merupakan suatu binaan yang dikhususkan untuk umat Islam dalam menjalankan ibadat yang tertentu serta kegiatan-kegiatan masjid merupakan suatu binaan yang dikhususkan untuk umat Islam dalam menjalankan ibadat yang tertentu serta kegiatan-kegiatan yang dibenarkan oleh agama. Masjid dikaitkan dengan sujud juga memberikan pengertian, antara lain rasa penghormatan, kesedaran terhadap kekhilafan, kemahuan mengikuti atau menyesuaikan dengan ketetapan Allah SWT iaitu *sunnatullah* dan sebagainya (Roslan,2008). Selain itu, masjid juga amat istimewa kerana setiap umat Islam berkewajipan untuk mengimarahkan masjid sekurang-kurangnya seminggu sekali untuk menunaikan solat Jumaat dan ia tidak boleh diwakilkan kepada orang lain.

Peranan masjid pada zaman Rasulullah SAW dilihat begitu meluas sehingga menjadi tempat menyambut para utusan asing dan delegasi sesuatu kabilah (Shaikh Ali Mohammad, 2003). Selain itu, masjid juga menjadi tempat memeterai perjanjian-perjanjian, di samping menjadi tempat pertemuan orang-orang Islam dan tempat menyambut tetamu (Zainuddin, 2001). Sesungguhnya masjid telah memainkan peranan yang sewajarnya dalam Islam dan ia juga merupakan tempat yang sentiasa dikunjungi dan bertindak sebagai pencetus ketamadunan dan pusat pengetahuan yang melahirkan para ilmuan yang dapat membantu perkembangan sejarah kemanusiaan serta mengubah haluan sejarah dunia (Joni Tamkin dan Che Zarina 2003). Justeru, ianya menuntut supaya peranan masjid perlu diperkasakan bersama-sama dengan sistem pengurusannya yang sistematik.

Konsep pengurusan dan pentadbiran masjid yang cekap mampu melahirkan masyarakat yang maju dalam pelbagai aspek terutamanya dalam mengembangkan syiar Islam. Apa yang penting, pengurusan yang baik perlulah diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan dan tindakan agar masjid itu dapat berfungsi sepenuhnya seperti mana yang disarankan oleh Rasulullah SAW. Mohd Affandi (1991) menyatakan konsep pengurusan dalam perspektif Islam berhubungan secara langsung dengan keimanan kepada Allah SWT. Oleh itu, setiap keputusan yang dibuat oleh pihak pengurusan masjid perlulah bermatlamat kearah menyempurnakan maslahat kebaikan yang ditetapkan oleh syarak. Dalam sistem pengurusan Islam, masjid adalah institusi wakaf, sama ada yang disediakan oleh kerajaan untuk diurus dan ditadbir (hasan, 2008). Justeru itu, institusi masjid mesti diurus tadbir dengan berkesan atas roh keikhlasan dan amanah daripada Allah SWT.

Ahmad Puhad dan Siti Roddiah (2010) dalam kajiannya mendapati masjid yang cemerlang perlu dirancang, dipimpin, diurus dan ditadbir dengan baik serta berlandaskan ketentuan syarak. Selain itu, Ahmad Zaki (2007) pula menyatakan bahawa pengurusan masjid yang baik akan membolehkan sesebuah institusi masjid tersebut beroperasi sebagai sebuah organisasi tersusun, berkemampuan menyusun aktiviti pengimarahannya yang menarik, mempunyai kecekapan dalam menguruskan dana masjid serta berkemampuan meningkatkan imej masjid di mata masyarakat. Ajmain @ Jimaain (2008) pula berpendapat bagi mengurus masjid secara berkesan, pengurusan masjid perlu sentiasa peka kepada perkembangan semasa untuk memastikan aktiviti dan program yang dilaksanakan berjalan dengan lancar, misalnya penekanan kepada konsep 6P dalam pengurusan iaitu perancangan, pelaksanaan, pemantauan, pengawalan, penilaian dan pembetulan.

Nasoha (2001) pula berpendapat mereka yang mentadbir urus institusi masjid lazimnya terdiri daripada mereka yang arif tentang soal-soal keagamaan, ilmu sosiologi dan kemasyarakatan serta ilmu pedagogi pendidikan setempat. Oleh itu, urus tadbir masjid yang cekap dan efisien merupakan jantung dan nadi dalam sesebuah masyarakat. Namun, kajian oleh Ahmad Nawawi *et al.* (2008) membuktikan bahawa kebanyakan pengurusan masjid di Malaysia masih berada pada tahap lama dan tidak produktif walaupun perubahan organisasi semakin pesat melalui ISO, MPK, KMK dan lain-lain.

Sementara itu, Hairunnizam *et al.* (2008) pula menyatakan bahawa antara faktor yang menyumbang kepada kekuatan masjid dalam pembentukan modal sosial ialah keaktifannya menganjurkan program kemasyarakatan seperti ceramah, kuliah, kursus, gotong-royong dan aktiviti sosial lain. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keaktifan masjid dipengaruhi secara signifikan oleh tahap pendidikan pengurus utama, kecukupan dana, kategori masjid dan gaya pengurusan. Pandangan ini disokong oleh Roslan (2008) yang menyarankan pihak pengurusan institusi masjid perlu membuat persediaan lengkap bagi merapatkan hubungan masyarakat dengan institusi masjid. Antara kaedah yang boleh dilaksanakan ialah dengan menyediakan tempat ibadah yang selesa, aktiviti pengajian yang teratur dan sistematik, ketelusan dalam kewangan, serta mengurangkan konflik institusi.

Dari aspek pengembangan dana pula, masjid dilihat berperanan sebagai satu institusi yang berpotensi dalam menangani krisis ekonomi. Kajian oleh Mohd Yahya *et al.* (2012) mendapati simpanan tunai institusi masjid di negeri Perak adalah sebanyak RM7.8juta bagi 241 buah masjid. Fidlizan dan Mohd Yahya (2009) pula berpendapat peranan masjid dalam sosio-ekonomi ini perlu diketengahkan memandangkan institusi masjid mempunyai dana yang agak besar terutamanya masjid-masjid yang berada di kawasan Bandar dan pekan serta yang mempunyai kepadatan penduduk dan pendapatan yang tinggi. Namun begitu, dapatan kajian oleh Jaafar *et al.* (2001) menunjukkan kebanyakan masjid-masjid di Malaysia menyimpan beku dana yang disumbangkan

oleh masyarakat awam. Sumbangan kewangan tersebut tidak disalurkan kepada aktiviti-aktiviti yang mampu memberikan pulangan atau hasil yang menguntungkan kepada masjid dan ahli kariah setempat. Selain itu, masjid juga dikatakan cenderung membuat simpanan dalam akaun semasa dengan mendapat keuntungan dan pulangan yang rendah (Jaafar *et al.*, 2001). Menurut (Amru Alhaz, 2015) wang derma awam bukan sahaja digunakan untuk menjamin kelangsungan institusi masjid dan membiayai perbelanjaan tradisi malah ia sepatutnya diperkasa untuk sebarang tujuan yang boleh meningkatkan taraf hidup dan ekonomi umat Islam secara keseluruhan. Sehubungan itu, Zainuddin (2009) mencadangkan agar Ahli Jawatankuasa Pengurusan Masjid dianggotai oleh individu yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan dalam bidang tertentu seperti ahli perniagaan, usahawan, akauntan dan juga golongan ustaz. Ini bertujuan untuk memastikan dana masjid dapat dikembangkan dan disalurkan kepada aktiviti-aktiviti ekonomi yang produktif melalui penubuhan institusi berpusat seperti bank dan koperasi masjid serta saham wakaf dan seterusnya memberi limpahan positif kepada masyarakat setempat (Mohd Yahya *et al.*, 2011).

Faktor lokasi pembinaan masjid yang strategik juga amat penting bagi menjadikan masjid sebagai pusat ekonomi setempat dalam memenuhi keperluan harian masyarakat (Salawati, 2008). Dengan lokasi masjid yang strategik ini membolehkan masjid dijadikan sebagai *one stop center* bagi masyarakat setempat dan secara tidak langsung mampu mengimarahkan masjid yang dibina.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam usaha menghasilkan kajian ini, beberapa metodologi akan digunakan bermula daripada proses pengumpulan data sehingga proses menganalisis data. Kajian ini menggunakan data siri masa bermula tahun 2010 sehingga tahun 2014 mengenai akaun amanah tiga masjid ini iaitu Masjid Negara, Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin. Data akaun amanah diperoleh daripada penyata terimaan dan bayaran tahunan akaun amanah bagi ketiga-tiga masjid terlibat bagi tahun kewangan bermula tahun 2010 sehingga tahun 2014. Data ini akan dianalisis menggunakan kaedah perbandingan hasil pendapatan dan perbelanjaan antara tiga masjid pada tahun 2010 sehingga tahun 2014.

DAPATAN KAJIAN

Punca hasil pendapatan akaun amanah masjid-masjid ini datang dari tiga sumber iaitu wang sumbangan orang ramai, swasta, persatuan dan pertubuhan juga disebut tabung masjid. Sumber kedua adalah dari hasil yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti yang dibiayai dari akaun sebagai contoh program kelas pengajian yang mana yuran dikenakan kepada peserta dan sumber terakhir daripada faedah daripada pelaburan simpanan tetap yang diuruskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Merujuk kepada Jadual 2 jumlah purata hasil kutipan tabung paling tinggi dicatat oleh Masjid Negara iaitu RM916 ribu dan terendah ialah Masjid Putra iaitu RM453 ribu. Purata punca hasil bagi ketiga-tiga masjid ini datang dari kutipan tabung iaitu 82.36 peratus bagi Masjid Negara dan 99.99 peratus bagi Masjid Putra dan MTMZA. Hasil yang diperolehi daripada aktiviti yang dianjurkan hanya sebanyak 17.62 peratus bagi Masjid Negara dan masing-masing 0.01 peratus bagi Masjid Putra dan MTMZA. Ini menunjukkan Masjid Putra dan MTMZA banyak menganjurkan aktiviti dengan yuran percuma bagi peserta berbanding Masjid Negara. Purata untuk 5 tahun faedah atas pelaburan simpanan tetap hanya dibuat oleh Masjid Negara iaitu sebanyak 0.01 peratus.

Jadual 2: Purata pendapatan Akaun Amanah Masjid Negara, Masjid Putra dan MTMZA

| Punca Hasil | Masjid Negara | Masjid Putra | MTMZA |
|------------------------------------|--------------------------|------------------------|------------------------|
| | 2010 – 2014 (RM) '000 | 2010-2014 (RM) '000 | 2010-2014 (RM) '000 |
| Wang sumbangan orang ramai | 916 (82.36) | 453 (99.99) | 649 (99.99) |
| Hasil diperolehi daripada aktiviti | 196 (17.62) | 0.02 (0.01) | 0.017 (0.01) |
| Faedah daripada Pelaburan | 0.13 | - | - |

| | | | |
|---------------------------|-----------------|----------------|----------------|
| Simpanan tetap | (0.01) | | |
| Jumlah Keseluruhan | 1,112.13 | 453.02 | 649.02 |
| | (100.0) | (100.0) | (100.0) |

Nota: () % daripada Jumlah Keseluruhan

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran Akaun Amanah Masjid bagi tahun kewangan 2010-2014

Jadual 3: Purata Perbelanjaan Akaun Amanah Masjid Negara, Masjid Putra dan MTMZA

| Bil | Jenis Perbelanjaan | Masjid Negara | Masjid Putra | MTMZA |
|-----|--|---------------------------------|---------------------------------|---------------------------------|
| | | 2010-2014 (RM)'000 | 2010-2014 (RM) '000 | 2010-2014 (RM) '000 |
| 1 | Kos Penerbitan, Percetakan dan Pengedaran Buku-Buku | - | - | - |
| 2 | Membeli Buku-Buku, dan Kelengkapan/Peralatan Masjid | 0.30 (0.06) | 0.29 (0.08) | 0.05 (0.02) |
| 3 | Bayaran Upah/Elaun/Saguhati atas Perkhidmatan | 277 (41.71) | 215 (61.55) | 196 (62.88) |
| 4 | Membiyai Aktiviti Agama, Dakwah dan Kebajikan | 386 (58.13) | 134 (38.36) | 0.67 (0.21) |
| 5 | Membiyai Projek Pembangunan Berkaitan Memakmurkan Masjid | 0.74 (0.11) | - | - |
| 6 | Membuat Pelaburan dalam Simpanan Tetap | - | - | - |
| 7 | Membiyai Perolehan Kemudahan Untuk Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan | - | - | 115 (36.89) |
| 8 | Membiyai Aktiviti-Aktiviti yang Ditetapkan Penyumbang | - | - | - |
| | Jumlah Keseluruhan | 664.04 (100.0) | 349.29 (100.0) | 311.72 (100.0) |

Nota: () % daripada Jumlah Keseluruhan

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran Akaun Amanah Masjid bagi tahun kewangan 2010-2014

Bagi butiran perbelanjaan aktiviti yang terlibat bagi perbelanjaan adalah, pertama membiayai kos penerbitan, percetakan dan pengedaran buku-buku Buletin dan bahan-bahan percetakan lain yang diterbitkan oleh Masjid Negara. Kedua membeli buku-buku, bahan rujukan dan kelengkapan/peralatan untuk kegunaan masjid. Ketiga ialah bayaran upah/elaun/saguhati kerana perkhidmatan yang diberi. Keempat, membiayai aktiviti agama, dakwah dan kebajikan berkaitan Agama Islam seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Akaun. Kelima, membiayai projek pembangunan berkaitan memakmurkan masjid dan pembangunan ekonomi ummah dan terakhir ialah membuat pelaburan dalam simpanan tetap yang ditadbir oleh JANM. Butiran perbelanjaan mengikut arahan akaun amanah MTMZA ada sedikit perbezaan bagi kerana ada tambahan perkara 7 dan 8 iaitu membiayai perolehan kemudahan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan membiayai aktiviti-aktiviti yang ditetapkan penyumbang.

Merujuk kepada Jadual 3, tidak kesemua butir perbelanjaan dibuat oleh ketiga-tiga masjid. Purata perbelanjaan paling tinggi dibuat bagi butir perbelanjaan membiayai aktiviti agama dakwah dan kebajikan di Masjid Negara iaitu sebanyak RM386 ribu. Masjid Negara paling banyak membelanjakan dana atas membiayai aktiviti adama dakwah dan kebajikan iaitu sebanyak 58.13 peratus diikuti bayaran upah/elaun/saguhati atas perkhidmatan iaitu sebanyak 41.71 peratus. Bagi Masjid Putra pula, perbelanjaan bagi bayaran upah/elaun/saguhati atas perkhidmatan paling banyak dibuat iaitu sebanyak 61.55 peratus diikuti 38.36 peratus iaitu perbelanjaan bagi membiayai aktiviti agama dan dakwah. Manakala MTMZA banyak membelanjakan secara purata wang akaun amanahnya pada perkara bayaran upah/elaun/saguhati atas perkhidmatan iaitu sebanyak 62.88 peratus. Selebihnya perbelanjaan atas perkara membiayai perolehan kemudahan untuk meningkatkan penyampaian iaitu sebanyak 36.89 peratus.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Akaun amanah yang ditubuhkan bagi tiga masjid ini iaitu Masjid Negara Kuala Lumpur, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Masjid Putra, Putrajaya adalah tertakluk di bawah WP 10.4/2013 Tatacara Pengurusan Akaun Amanah Yang Ditubuhkan Di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Tujuan akaun amanah ini ditubuhkan dengan tujuan untuk menerima sumbangan yang diberikan kepada masjid berkenaan bagi tujuan membiayai aktiviti-aktiviti dakwah, kebajikan dan aktiviti untuk kepentingan agama Islam. Jawatankuasa akaun dilantik bagi mentadbir akaun amanah ini adalah seperti Jadual 4.

Jadual 4: Jawatankuasa Mentadbir Akaun Amanah Masjid

| Bil | Jawatan | Tugas |
|-----|---|--------------------|
| 1 | Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri | Pengerusi |
| 2 | Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia | Timbalan Pengerusi |
| 3 | Wakil Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan Perbendaharaan Malaysia | Ahli |
| 4 | Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Perdana Menteri | Ahli |
| 5 | Setiausaha Bahagian Kewangan Jabatan Perdana Menteri | Ahli |
| 6 | Imam Besar Masjid Terlibat | Setiausaha |

Sumber: Akta Tatacara Kewangan 1957, Penubuhan dan Arahan Akaun Amanah di Bawah Seksyen 9

Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa akaun ini adalah memutuskan dasar dan tatacara berhubung dengan penerimaan dan penggunaan wang dalam akaun selaras dengan tujuan penubuhan akaun, menentukan semua laporan dan penyata berhubung dengan akaun disediakan dan dikemukakan. Selain itu jawatankuasa bertanggungjawab untuk meluluskan anggaran perbelanjaan tahunan akaun dan anggaran perbelanjaan tambahan akaun. Akaun juga perlu dipastikan berbaki kredit dan tidak terlebih dikeluarkan semasa meluluskan anggaran perbelanjaan akaun. Jawatankuasa juga bertanggungjawab dalam menentukan amaun untuk dilaburkan dalam akaun simpanan tetap yang ditubuhkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Mesyuarat perlu diadakan sekurang-kurangnya dua kali setahun dalam meluluskan segala perancangan perbelanjaan tahunan.

Pegawai Pengawal Akaun Amanah hendaklah memastikan Sijil Pengesahan Baki disediakan setiap bulan dan dikemukakan kepada JANM pada tarikh yang ditetapkan. Penyata Terimaan dan Bayaran hendaklah disediakan bagi setiap tahun kewangan berakhir 31 Disember setiap tahun dan dikemukakan 4 salinan kepada Ketua Audit Negara selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Penyata akaun yang lengkap hendaklah mengandungi butiran berhubung dengan baki awal tahun, urus niaga terimaan-terimaan dan bayaran-bayaran bagi tahun kewangan berkenaan, baki akhir akaun dan nota mengenai amaun yang dilaburkan setakat 31 Disember pada tahun kewangan berkenaan. Setelah penyata akaun tersebut diaudit dan disahkan oleh Ketua Audit Negara, Pegawai Pengawal Akaun Amanah hendaklah menyerahkan satu salinan Penyata Akaun tersebut kepada Perbendaharaan dan JANM.

Setelah analisis terhadap pendapatan dan perbelanjaan dibuat, didapati sumber pendapatan yang diperoleh dari akaun amanah Masjid Negara, Masjid Putra dan MTMZA adalah tertakluk pada perkara 13 di dalam arahan akaun amanah dan arahan ini adalah tertakluk pada WP 10.4/2013 Tatacara Pengurusan Akaun Amanah Yang Ditubuhkan Di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957. Segala sumber pendapatan atau dana yang diperoleh haruslah selaras dengan perkara di bawah arahan akaun amanah ini dan perlulah direkodkan. Perbelanjaan yang dibuat menggunakan dana akaun amanah ini juga haruslah tertakluk pada perkara 14 yang dinyatakan

dalam arahan akaun amanah masjid terbabit. Kajian mendapati perbelanjaan yang dibuat dan direkodkan adalah berdasarkan perkara-perkara yang telah ditetapkan di dalam arahan akaun amanah ini.

Kepentingan dan keperluan masjid-masjid ini mewujudkan akaun amanah adalah bagi mengawal selia sumber dana pendapatan serta perbelanjaan yang dilakukan dengan memastikan segalanya dibawah kawalan kerana sumber dana dan perbelanjaan adalah besar. Segala transaksi pendapatan dan perbelanjaan akan direkodkan di Penyata Terimaan dan Bayaran dan akan diaudit oleh Ketua Audit Negara Malaysia. Segala aktiviti yang dirancang perlulah diluluskan oleh jawatankuasa bagi memastikan tiada pembaziran dibuat dalam penggunaan dana awam.

KESIMPULAN

Kesimpulan yang boleh dibuat melalui kajian ini ialah masjid-masjid yang mempunyai sumber dana yang besar perlu menyediakan akaun amanah bagi merekodkan segala transaksi pendapatan dan perbelanjaan. Perkara ini penting kerana kita dapat mengawal keluar masuk perbelanjaan serta pendapatan sesebuah masjid. Masalah pecah amanah, penyelewengan, pembaziran dan lain-lain perkara negatif dapat dikurangkan dan dielakkan kerana segala yang direkodkan di akaun amanah akan diaudit oleh pihak yang berkenaan. Pihak audit akan menyemak dan mengeluarkan laporan atas semakan yang telah dibuat. Pihak masjid dapat memperbaiki kekurangan yang telah dibuat dan seterusnya pengawalan kewangan akaun amanah masjid ini akan bertambah baik dan bagus. Dengan adanya akaun amanah masjid ini, transaksi perbelanjaan dan aktiviti yang dirancang untuk dijalankan juga akan lebih sistematik dan terkawal. Ini adalah kerana setiap perbelanjaan atas aktiviti yang ingin dijalankan perlu diberi kelulusan oleh pihak jawatankuasa terlibat. Perbelanjaan tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya. Keperluan mewujudkan akaun amanah bagi mengawal dana dan perbelanjaan masjid-masjid adalah baik dan perlu kerana ianya memberi impak yang positif. Perbelanjaan aktiviti tahunan dapat dirancang dengan baik dan rapid dana tabung masjid yang dapat dari sumbangan orang awam terjaga dengan baik kerana semuanya direkodkan dan diselia dengan baik.

RUJUKAN

- Abdullah Mat dan Muhyidin Aziz. (2003). Konsep dan Falsafah Masjid, Norrodzoh Siren dan Yusmini Md Yusof (penyt.), *Membangun Institusi Masjid*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
- Abdul Munir Ismail. (2012). *Urus Tadbir Masjid Secara Berkesan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ab. Mumin Ab. Ghani. (2006). Sistem Pengurusan Islam: Tinjauan Menyeluruh Dari Aspek Konsep, dalam Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadillah Mansor (penyt) dalam *Dimensi Pengurusan Islam: Mengurus Kerja dan Mengurus Modal Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Puhad Alim dan Siti Roddiah Abdullah. (2010). *Audit Pengurusan Masjid: Kajian di Daerah Pasir Puteh Kelantan*. Universiti Teknologi Malaysia: Tidak diterbitkan.
- Ahmad Zaki Hj. Abdul Latif. (2009). *Pentadbiran Masjid Secara Profesional*. Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari
- Ahmad Nawawi Yaakob, Ramlee Ramlan dan Rashidah Ahmad Dahari. (2008). Manual Prosedur Kerja (MPK): Ke Arah Memantapkan Pengurusan Masjid, Muhd Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (penyt.), *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*. Johor: Penerbit UTM.
- Ajmain@Jimaain. (2008). Institusi Masjid dalam Memperkasakan Pembangunan Modal Insan. Muhd Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (penyt.), *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*. Johor: Penerbit UTM.
- Al-Fairuz Abadi. (1987). *Al-Kamus Al-Muhit*. Beirut: Muassasah Al-Risalah.
- Amru Alhaz Bin Adnan. (2015). Pengurusan Derma Awam dalam Menjana Ekonomi Masjid: Perbandingan Masjid Negara dan Masjid Al-Ghufran Pinggiran Taman Tun Dr Ismail Kuala Lumpur. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

- Azman Che Omar. (2003). *Pengurusan di Malaysia dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGraw-Hill.
- Fidlizan Muhammad, Mohd Yahya Mohd Hussin, Syed Ismail Syed Mohamad dan Amal Hayati Ishak. (2007). Potensi Pengembangan Industri Kecil Sederhana (IKS) Melalui Dana Masjid dalam *Prosiding Persidangan Kebangsaan Industri Kecil dan Sederhana 2007*.
- Fidlizan Muhammad dan Mohd Yahya Mohd Hussin. (2009). Peranan Masjid Sebagai Institusi Sosio Ekonomi bagi Membantu Masyarakat Menghadapi Krisis Ekonomi. *Majalah Cahaya*, Jan-Feb 2009, JAKIM.
- Hasan Bahrom. (2008). Menjana Sumber Kewangan Masjid Pemangkin Pembangunan Ekonomi Ummah, Muhd Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (penyt.), *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecermelangan Pengurusan Masjid*. Johor: Penerbit UTM.
- Hairunnizam Wahid, Nor Ghani Md Nor, Jaafar Ahmad dan Sanep Ahmad. (2009). Masjid dan Pembentukan Modal Sosial: Apakah Faktor Penentu Aktivism Masjid? dalam Sanep *et.al* (penyt.), *Prosiding Bengkel Penyelidikan Gunaan dalam Ekonomi Islam*, 1-9.
- Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad, Mariani Abd Majid dan Hairunnizam Wahid. (2001). Dana dan Harta Masjid di Malaysia: Ke Arah Pengurusan Strategik dalam *National Workshop on Capacity Building Towards Excellence in Econ. Research & Policy Formulation*, 23-24 April 2001, Fakulti Ekonomi UKM dan UUM. 1-13.
- Joni Tamkin Borhan dan Che Zarina Sa'ari. (2003). Pembangunan Ekonomi Masjid dalam Norrodzoh Hj. Siren & Yusmini Md Yusof (penyt.), *Membangun Institusi Masjid*. Kuala Lumpur: Intel Multimedia and Publication.
- Joni Tamkin Borhan, Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad dan Mohd Fauzi Abu @ Hussin. (2001). Membentuk Usahawan Muslim: Peranan Dana Masjid. *Jurnal al-Basirah*, 1(1), 53-63.
- Maliah Sulaiman. (2007). The Internal Control Procedures of Mosque in Malaysia. *Blumenau*, 3(2), 101-115.
- Mohd Affandi Hassan (ed.). (1991). *Kecermelangan Penatdbiran: Dasar dan Amalan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Mohd Noor Azli Ali Khan, Mohd Zulrushdi Salleh dan Norhayati Salleh. (2008). Pengurusan Masjid: Satu Tinjauan ke atas Kecermelangan Masjid, Mohd Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (penyt.), *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecermelangan Masjid*. Johor: Penerbit UTM.
- Mohd Salleh Arif. (2009). *Pembangunan Manusia Bemula dari Institusi Masjid*. <http://suaralabuan.blogspot.com/2009/11/pembangunan-manusia-bermula-dari.html>. Diperolehi pada 2 Mei 2016
- Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Nurul Fadly Habidin dan Syed Ismail Syed Mohamad. (2012), Eksplorasi Dana Kewangan Masjid di Negeri Perak, *Prosiding PERKEM VII, Jilid II*, 1274-1286.
- Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad dan Mohd Yazid Isa. (2011). Dana Masjid Menjana Ekonomi Ummah. *Jurnal Muamalat*, 4, 199-213.
- Nasoha Saabin. (2001). *Memartabatkan Masjid*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Distribution Sdn Bhd.
- Norrodzoh Hj. Siren. (2006). *Strategi Mengurus Masjid*. Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, WP 10.4/2013 Tatacara Pengurusan Akaun Amanah yang Ditubuhkan Di Bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957.
- Roslan Mohamed. (2008). Pemeraksanaan Masjid Melalui Pengurusan Profesional, Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (penyt.), *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecermelangan Pengurusan Masjid*. Johor: Penerbit UTM.
- Roslan Mohamed. (2003). Keberkesanan Program Masjid: Kajian Umum Masjid-Masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Norrodzoh Siren dan Yusmini Md Yusof (penyt.), *Membangun Institusi Masjid*. Petaling Jaya: Intel Multimedia dan Publication.

- Salawati Haris. 6 Strategi Masjid Boleh Buat Duit. (Milennia Muslim; YADIM, 2008).
- Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 15 Tahun 2014. Tatacara Perakauanan Akaun Amanah.
- Syed Naquib Al-Attas. (1972). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran 30 Juzuk*. (2000). Abdullah bin Muhammad Basmeih (terjemahan). Kuala Lumpur: Darul Fikh.
- Zainuddin Jaafar. (2001). Ke Arah Menjadikan Institusi Masjid Sebagai Pusat Kecemerlangan Komuniti Islam Selangor. *Jurnal YADIM*, 2.